

**S** Mohon Prof kongsi mengenai pembiayaan universiti melalui sumber wakaf dan contoh kejayaan pelaksanaannya di luar negara?

J Institusi wakaf mempunyai potensi yang sangat baik untuk memacu pembangunan institusi pengajian tinggi (IPT) sama ada universiti awam (UA) mahupun swasta.

Hal ini kerana ciri utama wakaf iaitu kekal dan tidak boleh pindah milik. Justeru, aset wakaf daripada segi nilai dan kuantiti boleh meningkat mengikut masa.

Jika diurus dengan baik, peningkatan dalam manfaat atau keuntungan daripada aset wakaf ini menjamin kelestarian sumber dana pembiayaan, tertakluk kepada stok aset wakaf produktif yang mencukupi.

Contoh universiti wakaf yang tersohor dan antara yang tertua di dunia ialah Universiti Al-Azhar As-Sharif di Mesir yang mula dibina pada tahun 969 Masihi berasaskan Masjid Al-Azhar pada masa itu.

Pembinaan universiti ini menggunakan dana wakaf dan masih beroperasi hingga kini dengan menyediakan peluang pendidikan tanpa biaya kepada pelajar Islam daripada seluruh pelosok dunia termasuk ramai golongan cendekiawan serta ulama di negara kita.

Satu lagi contoh universiti wakaf ialah Fatih Sultan Mehmet Vakıf University (FSMVU) di Istanbul, Turki yang ditubuhkan pada tahun 2010 oleh General Directorate of Foundations Turkey.

FSMVU dibiayai sebahagiannya oleh Waqaf Fatih Sultan Mehmet yang ditubuhkan pada tahun 1471 Masihi oleh Sultan Mehmet II. Sultan ini membebaskan Istanbul daripada penjajah untuk memelihara dan melindungi Masjid Hagia Sofia.

Masjid ini diperbesarkan untuk menyediakan dana pendidikan sehingga kini.

# Kelestarian dana mampu realisasikan universiti wakaf

**P** embiayaan universiti awam melalui sumber wakaf separa atau sepenuhnya membawa beberapa kebaikan, antaranya, tidak bergantung sepenuhnya kepada dana kerajaan dan memiliki kebebasan dalam pembangunan ilmu dan intelektual. Ikuti wawancara wartawan Varsiti, Rosniza Mohd Taha, dengan Pengarah Pusat Pembangunan Pembiayaan Wakaf merangkap Felo Utama, Fakulti Ekonomi dan Muamalat Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Prof Datuk Dr Mohammad Alias, mengenai pelaksanaan pendekatan itu.

Pemegang Amanah FSMVU menawarkan biasiswa kepada semua pelajarinya.

**S:** Berikutan pengurangan bajet bagi sektor pendidikan tinggi pada tahun depan, konsep universiti wakaf antara pendekatan disebut-sebut sebagai langkah meningkatkan autonomi UA dalam bidang kewangan. Komen Prof?

**J:** Pada pandangan saya, mungkin terlalu awal hendak bercakap mengenai konsep universiti wakaf dalam konteks UA sekarang. Semua UA dibina atas biaya kerajaan, dan sebahagian besar perbelanjaan mengurus juga adalah daripada geran kerajaan.

Kerajaan menggalakkan UA untuk mendapatkan

dana wakaf dan endowmen sebagai sumber alternatif untuk menampung belanja mengurus. Terdapat beberapa UA yang telah memulakan pembangunan pembiayaan wakaf termasuk USIM, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Putra Malaysia dan Universiti Teknologi MARA serta Universiti Islam Antarabangsa Malaysia yang menggunakan konsep endowmen Islamik.

Dana wakaf terkumpul masih rendah nisbah kepada keperluan sebenar. Sayugia diingatkan bahawa dana wakaf yang dapat dikumpulkan tidak boleh digunakan serta-merta.

Hanya manfaat daripada pelaburan dana boleh digunakan iaitu yang diperolehi selepas pelaburan berkenaan matang.



Prof Datuk Dr Mohammad Alias

Penjana dana wakaf untuk UA bukanlah langkah yang mudah dalam masa terdekat. Kajian empirik yang dilaksanakan mendapati kesediaan masyarakat untuk berwakaf sudah wujud.

**“USIM JUGA BERJAYA MELAKSANAKAN PROGRAM WAKAF UNTUK PENJAGAAN KESIHATAN DENGAN BANTUAN DAN KERJASAMA MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI SEMBILAN (MAINS) DAN KERAJAAN NEGERI SEMBILAN”**

Namun terdapat beberapa pertimbangan dalam hal ini.

Pertama, persepsi bahawa UA adalah bergantung kepada geran kerajaan. Kedua, dana wakaf atau endowmen yang substantif daripada segi nilai dan saiznya adalah daripada individu atau syarikat besar.

Antara langkah awal yang boleh diambil untuk melaksanakannya ialah promosi agresif kepada staf UA sendiri untuk menyumbang kepada dana wakaf melalui potongan gaji berterusan yang didahului dengan dakwah kepada mereka sebelum libatsama syarikat berkaitan kerajaan dan ahli korporat Muslim.

**S:** Apakah kunci kepada kejayaan pelaksanaan konsep universiti wakaf?

**J:** Perancangan yang rapi dan komitmen bersungguh-sungguh adalah penting bagi memastikan kejayaan pendekatan ini. Kerjasama dengan Majlis Agama Islam Negeri antara yang perlu diusahakan kerana bab wakaf adalah di bawah bidang kuasa agensi itu.

Bergantung kepada projek wakaf yang hendak dibangunkan dan dibiayai, sumber dana wakaf yang boleh diusahakan termasuk wakaf tunai daripada masyarakat, tanah, instrumen wakaf musyarakah dan sukuk.

Alumni juga boleh memainkan peranan, antaranya dengan menyumbang wakaf tunai melalui potongan gaji bulanan berterusan kepada dana wakaf universiti masing-masing.

USIM sudah menubuhkan Dana Wakaf Al-Abrar sejak Julai 2013 yang menjadi saluran bagi alumni yang berjaya dalam bidang masing-masing dan memegang jawatan tinggi dalam sektor korporat boleh membantu.

**S:** Apakah pula cabaran melaksanakannya?

**J:** Antara cabaran utama ialah mendapatkan keyakinan dan kesanggupan masyarakat untuk menyokong pelaksanaan pembiayaan universiti menerusi sumber

wakaf termasuk individu, institusi, syarikat korporat serta pemilik taruh iaitu Majlis Agama Islam Negeri.

Selain itu, penyediaan kerangka tadbir urus yang berkesan dan berintegriti juga perlu dipastikan selain mengadakan jaringan dengan institusi dan pengurus dana wakaf daripada luar negara terutama Timur Tengah.

**S:** Mohon Prof kongsi perkembangan dan kejayaan USIM dalam melaksanakan pendekatan wakaf bagi menjana pendapatan universiti.

**J:** USIM telah melaksanakan inisiatif mengumpulkan dana wakaf tunai melalui potongan gaji dan kira-kira RM207,000 berjaya dikumpulkan sehingga kini.

USIM juga berjaya melaksanakan program wakaf untuk penjagaan kesihatan dengan bantuan dan kerjasama Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS) dan kerajaan Negeri Sembilan.

Menerusi inisiatif itu, Klinik Pakar Perubatan USIM mula berjaya dibangunkan dan mula beroperasi pada awal April lalu setelah mendapat kelulusan dan lesen daripada Kementerian Kesihatan.

Ahli pakar perubatan USIM yang mengendalikan klinik ini mengenakan bayaran yang rendah kepada pesakit kerana mengambil kira perkhidmatan diberikan sebagai bentuk sumbangan wakaf.

Pembabitan MAINS dalam wakaf kesihatan ini termasuk peruntukan dana bagi memastikan kelangsungan operasi klinik termasuk pembayaran gaji kakitangan serta sewa bulanan premis selain geran bagi membeli peralatan perubatan.

Selain rawatan perubatan dan pesakit luar, perkhidmatan khusus seperti pergigian dan mata turut ditawarkan.

Perjanjian dengan BBN Development Sdn Bhd membolehkan USIM menyewa bangunan kedai dua tingkat di Nilai Square, Bandar Baru Nilai bagi menempatkan Klinik Pakar Perubatan USIM dan Klinik Hemodialisis.

Kerajaan negeri juga sudah menyatakan persetujuan untuk menyokong satu lagi inisiatif wakaf kesihatan iaitu Projek Cahaya.

Projek ini membolehkan penduduk luar bandar menikmati perkhidmatan penjagaan dan pemeriksaan kesihatan mata menerusi konsep klinik bergerak dengan turut menyediakan kenderaan untuk tujuan berkenaan.

Biarpun pelbagai cabaran dihadapi bagi merealisasikan wakaf kesihatan ini, lama kelamaan perkara itu berjaya diatasi dan bakal memberi manfaat besar kepada masyarakat khususnya golongan kurang berkemampuan.



USIM menjalin kerjasama dengan pelbagai pihak bagi merealisasikan pelaksanaan pembiayaan universiti menggunakan sumber wakaf.